

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**  
**DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN** : **JAWAB LISAN**

**DARIPADA** : **TUAN MOHD RAFIZI BIN RAMLI**  
**[ PANDAN ]**

**TARIKH** : **24 NOVEMBER 2015**

**SOALAN** : **Tuan Mohd Rafizi bin Ramli [ Pandan ]**  
**minta MENTERI LUAR NEGERI**  
**menyatakan senaraikan semua pembelian**  
**bangunan oleh Kerajaan Malaysia di luar**  
**negara sejak tahun 2010 sehingga kini**  
**beserta maklumat alamat bangunan,**  
**penjual dan nilai yang dibayar kepada**  
**penjual.**

## **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Pandan atas soalan beliau.

2. Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, pembelian hartanah Kerajaan Malaysia di luar negara diuruskan oleh Kementerian/Agensi masing-masing berdasarkan peruntukan mereka. Kementerian Luar Negeri secara amnya tidak terlibat dalam pembelian hartanah oleh Kementerian/Agensi yang lain di luar negara.

3. Kementerian Luar Negeri hanya menguruskan pembelian hartanah milik Kementerian ini seperti pembelian bangunan Canseri, kuarters kakitangan dan kediaman rasmi bagi perwakilan-perwakilan Malaysia di luar negara. Kesemua hartanah yang dibeli di luar negara dan didaftarkan sebagai hak milik Kerajaan Malaysia hanya untuk rekod di negara-negara terbabit sahaja. Di pihak Malaysia, rekod hak milik dipegang oleh Kementerian/Agensi terbabit sebagai pemilik Bangunan/hartanah dan rekod hak milik disimpan di Jabatan Tanah dan Galian.

4. Walau bagaimanapun, Kementerian Luar Negeri telah merujuk perkara ini kepada semua Perwakilan Malaysia dan setakat hari ini terdapat satu pembelian bangunan di Perth, Australia untuk dijadikan Dewan Malaysia bagi penginapan pelajar Malaysia pada 16 Disember 2013. Pembelian tersebut dibuat oleh Kementerian Pendidikan Tinggi dengan kos keseluruhan termasuk pengubahsuaian sebanyak AUD

10,271,000.00. Bangunan tersebut telah dibeli daripada MIL-TECH International Pty Ltd dan telah beroperasi pada 1 Julai 2014.

5. Selain daripada itu, untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, dari tahun 2010 hingga kini, pihak Kementerian Luar Negeri telah melaksanakan satu pembelian hartanah iaitu satu plot tanah di Nay Pyi Thaw, Myanmar pada tahun 2014 yang dibeli daripada Kerajaan Myanmar untuk dijadikan tapak kompleks Canseri.

Sekian, terima kasih.